



Rujukan : UKM.AKA.100-1/3/4

Tarikh : 16 Disember 2024

PEKELILING AKADEMIK BIL. 45/2024

SEMUA PELAJAR PRASISWAZAH DAN PASCASISWAZAH

Saudara/i,

PENDAFTARAN AWAL/KURSUS/TESIS/DISERTASI SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2024/2025 DAN PENILAIAN PENGAJARAN KURSUS SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2024/2025

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita sekiranya pelajar membaca dengan teliti pekeliling ini dan mengambil tindakan seperti berikut:

Bil.	Aktiviti	Pra Siswazah	Pasca Siswazah
1.	Pelajar hendaklah menggunakan Pengenalan dan Kata Laluan (NPP) masing-masing bagi mencapai dan menggunakan laman web https://smplucee.ukm.my/smpweb . Pelajar adalah dinasihatkan supaya tidak mendedahkan NPP masing-masing bagi mengelakkan dari disalahgunakan oleh pengguna lain.	✓	✓
2.	Semua pelajar adalah disyaratkan: i. Membuat Penilaian Pengajaran Kursus/Penyelidikan Pelajar disyaratkan membuat penilaian pengajaran kursus yang diambil pada semester semasa melalui laman web https://www.ukm.my/sppp . Penilaian ini bermula dari 6 Januari 2025 hingga 26 Januari 2025 . Sebarang pertanyaan sila berhubung dengan Fakulti/Institut/Pusat masing-masing. ii. Menjelaskan bayaran semua yuran/hutang tertunggak Sebarang masalah berkaitan dengan pembayaran yuran/hutang tertunggak, sila berhubung terus dengan Unit Kewangan Pelajar (UKP) ukpbendahari@ukm.edu.my atau Bahagian Kewangan UKMShape menerusi e-mel accshape@ukm.edu.my .	✓ ✓	✓ ✓



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2022

CERT. NO. ISMS 00249

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-89118284/8388/8450/8451/8452/8454/8458/8459/8460/8461

E-mel: akad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik

Bil.	Aktiviti	Pra Siswazah	Pasca Siswazah
3.	Pendaftaran Awal Kursus/Tesis/Disertasi Semester 2 Sesi Akademik 2024/2025 akan diadakan pada 6 Januari 2025 hingga 2 Februari 2025 (4 minggu) melalui https://smplucee.ukm.my/smpweb	✓	✓
4.	Pendaftaran Awal adalah diwajibkan kepada semua pelajar Prasiswazah dan Pascasiswazah KECUALI pelajar Program Ijazah Doktor Perubatan & Ijazah Doktor Pakar Klinikal, Fakulti Perubatan DAN Program Ijazah Doktor Pergigian dan Ijazah Doktor Pergigian Klinikal, Fakulti Pergigian. Bayaran PTPTN akan ditahan dan denda sebanyak RM50.00 akan dikenakan jika pelajar gagal membuat Pendaftaran Awal pada tempoh yang ditetapkan. Pelajar yang tidak membuat Pendaftaran Awal hanya dibenarkan membuat Pendaftaran Kursus Semester 2 Sesi Akademik 2024/2025 bermula 17 Mac 2025 (Prasiswazah & Pascasiswazah). Mulai Semester 1 Sesi Akademik 2020/2021, SEMUA pelajar Fakulti Perubatan dibenarkan untuk membuat pendaftaran awal bagi kursus-kursus bertaraf CITRA yang ditawarkan secara terbuka seperti yang dipersetujui melalui Mesyuarat Fakulti Perubatan Ke-378.	✓	✓
5.	Proses Pemilihan (3 Februari hingga 9 Februari 2025) tertakluk kepada fakulti masing-masing untuk menentukan pelajar yang layak mengikut sesuatu kursus berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan.	✓	Tidak berkaitan
6.	Semakan keputusan pemilihan Pendaftaran Awal Kursus boleh dilakukan mulai 10 Februari 2025 sehingga 16 Februari 2025.	✓	Tidak berkaitan
7.	Perlu diingatkan bahawa pendaftaran sebenar kursus Semester 2 Sesi Akademik 2024/2025 adalah tertakluk kepada keputusan peperiksaan semester sebelumnya dan keperluan prasyarat semester berikutnya.	✓	✓

3. Sekiranya saudara/i menghadapi masalah mengenai perkara di atas, sila emelkan kepada:

- i. Masalah teknikal : smpweb@ukm.edu.my
- ii. Pelajar prasiswazah : prasiswazah.akad@ukm.edu.my
- iii. Pelajar pascasiswazah : postgraduate.akad@ukm.edu.my

Sekian, terima kasih.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2022

CERT. NO. ISMS 00249

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-89118284/8388/8450/8451/8452/8454/8458/8459/8460/8461

E-mel: akad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my

Yang benar,



PROFESOR MADYA DR. IRMAN BIN ABDUL RAHMAN

Pengarah

Pusat Pengurusan Akademik

- s.k.
- Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)
 - Dekan/Pengarah
Fakulti/Institut/Pusat
 - Pengarah
Pusat Teknologi Maklumat
 - Pengarah
Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)
 - Pengarah
Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional (UKMShape)
 - Pengarah
Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum (Pengajaran-UKM)
 - Pengarah
Pusat Pembangunan Keusahawanan dan EKS (UKM-CESMED)
 - Timbalan Pengarah (Governans Akademik)
Pusat Pengurusan Akademik
 - Ketua Unit Kewangan Pelajar
Jabatan Bendahari
 - Ketua Pustakawan, UKM
 - Semua Pegawai Tadbir (Pengajian Prasiswazah dan Pascasiswazah)
Fakulti/Institut/Pusat
 - Yang Dipertua
Kesatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (KMUKM)



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2022

CERT. NO. ISMS 00249

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-89118284/8388/8450/8451/8452/8454/8458/8459/8460/8461

E-mel: akad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my